

MAHATHIR-DARJAH R' R' R'

1982

KUALA PILAH, 17 OGOS (BERNAMA). -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENERIMA DARJAH KEBESARAN SERI PADUKA NEGERI SEMBILAN DARI YANG DIPERTUAN BESAR NEGERI SEMBILAN DALAM SATU UPACARA PENGURNIAAN DI ISTANA BESAR SRI MENANTI DEKAT SINI.

DARJAH TERSEBUT YANG MEMBAWA GELARAN DATUK SERI DIANUGERAHKAN KEPADA PERDANA MENTERI SEMPENA KEPUTERAAN YANG DIPERTUAN BESAR KE-59 JULAI TAHUN LALU.

YANG DIPERTUAN BESAR DAN TUNKU AMPUAN BERANGKAT KE BALAI RONG SERI ISTANA BESAR UNTUK UPACARA PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN TERSEBUT.

DATUK UNDANG YANG EMPAT SERTA TUNKU BESAR TAMPIN, MENTERI BESAR DATUK MOHAMAD ISA ABDUL SAMAD DAN ISTERI, ANGGOTA-ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI DAN SPEAKER DEWAN UNDANGAN NEGERI ENCIK AHMAD HAJI KASSIM HADIR SAMA.

DATIN DR. BITI HASMAH, MENTERI KEMAJUAN TANAH DAN WILAYAH DATUK RAIS YATIM, TIMBALAN MENTERI KESIHATAN DATUK K. PATHMANABAN, TIMBALAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN PUAN NAPSIAH OMAR, ADALAH ANTARA YANG MENYAKSIKAN UPACARA ITU. -- LAGI 1917/SZ

MAHATHIR-DARJAH 2 KUALA PILAH

YANG DIPERTUAN BESAR JUGA BERKENAN MENGURNIAKAN TAULIAH KEPADA 25 ORANG ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN DALAM SATU UPACARA YANG DIADAKAN SELEPAS UPACARA PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN KEPADA PERDANA MENTERI.

MUFTI KERAJAAN NEGERI HAJI ABU HASSAN SAIL ADALAH ANTARA ANGGOTA-ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI YANG MENERIMA TAULIAH TERSEBUT BAGI TEMPOH TIGA TAHUN BERKUATKUASA MULAI BULAN OKTOBER TAHUN LALU.

SEMBILAN ORANG YANG MENERIMA TAULIAH TERSEBUT ADALAH ANGGOTA JAWATANKUASA SYARIAH MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI YANG DIPENGERUBIKAN OLEH HAJI ABU HASSAN SAIL, 15 ORANG MERUPAKAN ANGGOTA MAJLIS AGAMA NEGERI DAN LIMA ORANG LAGI TERDIRI DARI ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI SEMBILAN. -- BERNAMA 1933/SZ